



29 MAY, 2026

Pemodenan grid TNB RM43 bilion penuhi permintaan pusat data

Berita Harian, Malaysia



Pemodenan grid TNB RM43 bilion penuhi permintaan pusat data

Program pemodenan grid Tenaga Nasional Bhd (TNB) bernilai RM43 bilion bakal memenuhi permintaan terhadap pusat data yang meningkat di Malaysia, dengan keperluan tenaga masa depan telah dimasukkan dalam perancangan penjana nasional yang lebih menyeluruh bagi memastikan kesiapsiagaan sistem untuk tempoh jangka panjang.

Bercakap pada Ekspo Pusat Data dan Infrastruktur Awan 2026, Ketua Pegawai Grid TNB, Hasmarizal Hassan, berkongsi langkah syarikat utiliti itu menyediakan infrastruktur grid untuk menyokong perkembangan pesat sektor berkenaan, termasuk kapasiti sambungan, tempoh pelaksanaan dan perancangan sistem jangka panjang.

Antara tumpuan utama ialah Laluan Lorong Hijau TNB, yang mengurangkan tempoh sambungan grid untuk pusat data daripada

36 bulan kepada serendah 12 bulan, menurut Hasmarizal dalam catatan di media sosial TNB.

Sehingga Mac 2026, sejumlah 33 projek dilaksanakan di bawah rangka kerja ini, mencerminkan pengiktirafan TNB bahawa kelajuan sambungan adalah faktor utama dalam memperkuatkan kedudukan Malaysia sebagai hab pusat data serantau.

“Bagi mengurus pertumbuhan permintaan berskala besar, TNB turut menggunakan strategi grid berasaskan kluster, memberi tumpuan kepada pelaburan infrastruktur penghantaran dalam koridor pertumbuhan yang dikenal pasti,” katanya.

Beliau berkata, Johor kekal sebagai antara kluster aktif utama di bawah

strategi itu, dengan pengembangan seterusnya di seluruh negara dirancang untuk menyokong kebolehskalaan dan mengekalkan kebolehpercayaan sistem secara keseluruhan.

Hasmarizal berkata, pendekatan itu bertujuan memastikan grid kekal berkeupayaan menyokong peningkatan permintaan terhadap infrastruktur digital dalam Malaysia terus menarik pelaburan pusat data dan pelaburan bernilai tinggi yang lain.

Kerajaan MADANI memberi tumpuan kepada industri yang mewujudkan peluang pekerjaan lebih baik, memudah cara pemindahan teknologi, memacu inovasi serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi jangka panjang.

BERNAMA



Hasmarizal Hassan